

Headline **UUM terbit telefilem**
Date **28 Jun 2011**
Media Title **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **L-54**
Article Size **179 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **985**
PRValue **2,954**



UUM terbit telefilem

Diari Kampus Biru cetusan Naib Canselor

KUALALUMPUR - Sebuah telefilem hasil cetusan idea Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Datuk Dr Mohamed Mustafa Israk akan diterbitkan tidak lama lagi menerusi saluran televisyen tempatan.

Mustafa berkata, telefilem yang bertajuk *Diari Kampus Biru* itu diterbitkan oleh Unitama Management Holding Sdn Bhd iaitu sebuah syarikat milik penuh UUM dan Unitama Film Studio selaku Penerbit Eksekutif bagi telefilem berkenaan.

"Telefilem berdurasi 90 minit yang berkisar kehidupan siswa-siswi kampus ini membariskan pelakon-pelakon terkenal seperti Tomok, Wan Maimunah, Wan Nor Azlin, Muzik FM serta Fiza Angela dari Indonesia akan diarahkan oleh Murali Abdallah.

"Skrip telefilem genre Dramatik (josh cinta) ini ditulis oleh Nassrudin Abdul



MOHAMED MUSTAFA

Rasif @ Ramli merupakan telefilem pertama diterbitkan oleh UUM melalui penglibatan anak syarikat universiti berkenaan konsep aspirasi hidup dan cinta remaja yang sesuai untuk tontonan umum," katanya dalam satu sidang media baru-baru ini.

Menurutnya, penerbitan telefilem ini bertujuan untuk mempromosikan UUM di mata umum, khususnya bagi menarik lebih ramai pelajar dalam dan luar negara memilih UUM sebagai destinasi menuntut ilmu mereka.

"Menariknya, telefilem ini juga menggarap peredaran cinta benci dan syair merentasi dua negara di antara siswa-siswi Malaysia dan Indonesia di UUM.

"Penerbitan telefilem ini juga membuka peluang kepada Unitama Film Studio, UUM, menobatkan diri dalam industri kreatif bagi memberi pencedahan kepada staf akademik dan pelajar UUM dalam bidang Komunikasi, Multimedia dan Teknologi Media mendalami dunia produksi telefilem dan filem," jelasnya.

Ini sekali gus bakal mendedahkan pelajar-pelajar UUM kepada industri kreatif dan perfileman negara.

"UUM berharap semoga inisiatif ini akan dapat melahirkan lebih ramai lagi tenaga profesional yang dipertingkatkan dalam industri kreatif negara yang mempunyai masa depan yang sangat cerah," katanya.